

29/08/1998

Wanita sokong hapus undi akar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pergerakan Wanita Umno menyokong cadangan memansuhkan pemberian 10 undi akar umbi untuk calon Presiden dan Timbalan Presiden parti.

Ketuanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata Wanita Umno berpendapat undi itu tidak mendatangkan banyak faedah atau perbezaan, sebaliknya boleh menggalakkan politik wang.

"Tanpa undi itu juga parti akan berjalan lancar, malah mungkin lebih baik.

Saya juga melihat tanpa undi itu setiap perwakilan masih dapat menjalankan mandat parti dengan baik," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Exco pergerakan itu di sini, hari ini.

Sebelum ini, Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabaruddin Chik, berkata Umno mungkin memansuhkan pemberian 10 undi akar umbi.

Dr Siti Zaharah berkata, mesyuarat itu turut menyokong kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri dan Presiden parti.

Menurutnya, Wanita Umno juga menggesa negeri menyokong semua usaha yang dilakukan Perdana Menteri untuk perpaduan negara.

Mesyuarat itu juga menyenaraikan beberapa program yang bakal dilaksanakan sehingga akhir tahun termasuk Hari Wanita yang bertemakan Wanita Meneruskan Perjuangan pada 25 September ini.

Ia akan dirasmikan oleh Perdana Menteri.

Dr Siti Zaharah berkata, wanita Umno juga bersetuju mengadakan tindakan susulan kepada ucapan dasar beliau di Perhimpunan Agung Wanita Umno baru-baru ini dengan mengadakan Persidangan Pasca Perhimpunan.

(END)